

Newspaper  
Date

Berita Harian  
29 January 2016

# Pengubahsuaian realistik seiring cabaran semasa

BH - 29/1/2016

» 11 langkah penstrukturan lebih telus tanpa ketepi kesejahteraan rakyat: PM

Putrajaya

**K**erajaan semalam mengumumkan langkah proaktif pengubahsuaian bajet yang lebih telus dan realistik seiring dengan cabaran semasa, tanpa mengtepi kesejahteraan rakyat serta menjejaskan penyampaian perkhidmatan sektor awam.

Pengubahsuaian itu susulan penurunan harga minyak mentah global yang bakal menjejaskan hasil negara antara RM7 bilion hingga RM9 bilion.

Melalui Pengubahsuaian Bajet 2016 itu, kerajaan dijangka dapat menjimatkan sehingga RM9 bilion, tanpa mengtepi keperluan rakyat.

Ketika mengumumkan Pengubahsuaian Bajet 2016 di sini, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata dengan mengambil kira senario ekonomi semasa, kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun ini disemak semula kepada 4.0 hingga 4.5 peratus dengan rujukan purata harga minyak mentah AS\$30 hingga AS\$35 satu tong.

Ketika membentangkan Bajet 2016 pada Oktober lalu, kerajaan mengunjur KDNK pada tahun ini 4.5 hingga 5.0 peratus dengan andaian harga minyak mentah AS\$48 satu tong.

## Sasar defisit 3.1 peratus

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan juga komited untuk mengekalkan langkah pengukutan fiskal dengan sasaran defisit 3.1 peratus daripada KDNK.

Selain itu, kerajaan akan memastikan kadar hutang negara terus berkurangan dan tidak melebihi paras berhemat 55 peratus daripada KDNK, serta bertegas untuk tidak akan mengenakan kawalan modal dan tambahan ringgit meskipun nilainya menurun.

"Pucuk pangkalnya, perlu difahami baik-baik, bahawa apa yang sedang dihadapi, bukanlah kerana kegagalan kerajaan merancang, tetapi kemelut ekonomi global yang terus melanda dan di luar kawalan ki-



Najib ketika mengumumkan Pengubahsuaian Bajet 2016 di Putrajaya, semalam.

[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]


ta," kata beliau.

Najib juga menegaskan, Malaysia tidak berada dalam kegawatan ekonomi, mahupun kegawatan teknikal dan setiap keputusan yang dilaksanakan kerajaan adalah yang terbaik untuk rakyat.

"Malaysia bukan sebuah negara yang gagal, seperti yang didakwa, jauh sekali menjadi bankrap. Realitinya kita masih berada dalam keadaan yang stabil dengan pertumbuhan yang kukuh," katanya.

Perdana Menteri kemudian mengumumkan 11 langkah penstrukturan dan pengubahsuaian Bajet 2016, bagi memastikan ekonomi dan kewangan negara kekal berada pada jajaran yang betul dan melindungi kebajikan rakyat.

Antaranya, pengurangan potongan caruman bahagian pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak tiga peratus mulai Mac



2016 sehingga Disember 2017. Caruman majikan bagaimana pun dikekalkan.

Langkah itu dijangka mampu merangsang perbelanjaan penggunaan swasta sehingga RM8 bilion setahun.

Kerajaan juga memberi pelepasan khas cukai RM2,000 kepada pembayar cukai individu berpendapatan RM8,000 sebulan dan ke bawah, untuk tahun taksiran 2015.

## Agenda Bumiputera diiktiraf

**Putrajaya:** Agenda Bumiputera bukan lagi satu agenda nasional, sebaliknya kini sudah diangkat dan diiktiraf di persada dunia, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, tidak timbul sama sekali tuduhan sesetengah pihak kononnya kerajaan berkompromi mengenai soal kedaulatan negara ketika berunding dengan anggota Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) yang diluluskan di Dewan

Rakyat, kelmarin.

"Kita tidak bersifat 'apolotetik' dalam mempertahankan agenda Bumiputera ketika berunding dengan anggota TPPA.

"Malah, ketahuilah bahawa hasil kesungguhan dan ketegasan kerajaan dalam proses perundingan, akhirnya, anggota TPPA menerima dan mengiktiraf dasar Bumiputera sebagai sebahagian daripada syarat TPPA pada peringkat global," katanya.

"Langkah ini, walaupun kerajaan akan kehilangan hasil RM350 juta, ia dapat memberi penjimatan bayaran cukai individu sehingga RM475. Ini akan memanfaatkan dua juta pembayar cukai," kata Najib.

Kerajaan juga, katanya akan menggandakan usaha pematuhan dan pengauditan terhadap pengelak cukai.

Bagi menggalakkan pembayar cukai tampil melaporkan pendapatan tahun ke belakang, kerajaan melonggarkan peneanan penalti, jika tunggakan cukai itu dapat dilangsaikan sebelum 31 Disember 2016.

## Tumpu program rakyat

Najib berkata, kerajaan kini memfokus kepada projek dan program yang mendahulukan kepentingan rakyat, serta mempunyai kesan pengganda yang tinggi dan kandungan import yang rendah.

"Projek seperti pembinaan rumah mampu milik, hospital, sekolah, jalan raya dan pengangkutan awam serta keselamatan akan diteruskan, manakala projek bukan fizikal yang masih peringkat kajian dijadual semula," katanya.

Yang turut mendapat perhatian Perdana Menteri adalah penetapan semua penjualan rumah berharga sehingga RM300,000, terhad kepada pembeli rumah pertama sahaja.

Lebih 100,000 unit rumah akan ditawarkan menerusi beberapa program di bawah Jabatan Perumahan Negara (JPN), Program Rumah Rakyat 1Malaysia (PR1M), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) dan agensi negeri serta sektor swasta.

Untuk terus membela nasib pesawah dan meningkatkan pengeluaran padi, kerajaan juga menyediakan tambahan tunai RM50 bagi setiap satu tan padi bersih, sebagai insentif input pengeluaran padi.

Melalui program MyBeras, setiap keluarga miskin tegar yang berdaftar akan diberi 20 kilogram beras secara percuma sehingga 31 Disember ini. Ini akan meringankan hidup lebih 200,000 golongan itu.

Kerajaan juga akan meliberalisasikan kawalan kuota import (AP) bagi lapan produk pertanian terpilih, antaranya biji kopi mentah, daging kerbau, lembu dan kambing.